

75 binaan haram diroboh sepanjang Operasi Bersih

DBKL bertindak selepas pengusaha abai 3 notis amaran

Oleh Hanisah Selamat

nisa@bharu.com.my

SELAYANG: Selepas lebih tiga notis yang dihantar setahun lalu tidak diendahkan pengusaha di Pusat Bandar Utara Batu Caves berhampiran Pasar Borong Kuala Lumpur di sini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terpaksa mengambil tindakan tegas merobohkan binaan haram dalam Operasi Bersih, baru-baru ini.

Dalam operasi bersepadu yang dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu sebanyak 42 premis dikenakan tindakan membabitkan tujuh binaan yang dileraikan pasukan penguat kuasa manakala 35 lagi ditanggalkan pemilik sendiri.

Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan DBKL, Ab Salim Mansor, berkata pelbagai kesalahan dikesan sepanjang lima jam operasi selain daripada membuat penyambungan haram iaitu menjalankan perniagaan borong tanpa lesen dan melakukan helah di premis.

Beliau berkata, tindakan kompaun juga diambil berikutan ketidakpatuhan pengusaha yang masih menjalankan aktiviti perniagaan borong di luar Pasar Borong Kuala Lumpur kerana mereka



KONTENA yang diletakkan di kaki lima disita penguat kuasa DBKL di Pasar Borong Kuala Lumpur, dalam Operasi Bersih, baru-baru ini.

sudah dimaklumkan tidak boleh menjalankan perniagaan borong di luar pasar berkenaan.

"Walaupun ada yang mendakwa sudah mengemukakan permohonan menjalankan perniagaan borong atau membuat binaan tambahan di premis terbabit, ia hanya dilakukan selepas aktiviti itu dijalankan beberapa tahun dan mereka patut menyedari aktiviti pemborongan hanya di dalam Pasar Borong.

"Notis sudah dikemukakan sejak 2008 tetapi tiada sebarang perubahan dilakukan pengusaha malah ada yang lebih berani meletak kon-

tena sejuk beku di hadapan premis yang membolehkan mereka dikenakan tindakan di bawah Undang-Undang Kecil Parit dan Bangunan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas operasi selesai yang membabitkan kira-kira 100 anggota penguat kuasa daripada pelbagai jabatan di DBKL.

Dalam operasi itu, sebanyak lima kontena sejuk beku disita kerana menyebabkan halangan tetapi pemiliknya masih boleh mengambil barangan mereka dengan membayar kompaun yang dianggarkan

tidak melebihi RM1,200.

"Bukan baru sekali dua notis dihantar sama ada terhadap pengusaha yang membuat tambahan binaan pada premis terutama di siar kaki atau kepada pemilik kontena sejuk beku kerana semua amaran sudah dikeluarkan beberapa kali.

"Kita harap mana-mana pengusaha tidak berdegil untuk menunggu hingga saat akhir dan sepatutnya binaan itu boleh ditanggalkan sendiri tanpa menanti anggota DBKL datang menjalankan kerja meroboh yang turut membabitkan sejumlah kos," katanya.